

INTERVENSI AWAL BUKA JALAN UNTUK PENDIDIKAN ANAK AUTISME

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 04/04/2014 | Author: Nurul Halawati Azhari / NUH CR

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Filem Hollywood "Temple Grandin" lakonan

Claire Danes dan "Rain Man" lakonan Tom Cruise adalah antara filem yang memaparkan watak utamanya seorang autistik.

Begitu juga filem terkenal Bollywood yang dilakonkan Shah Rukh Khan, "My Name Is Khan".

Khan disifatkan sebagai seorang penghidap sindrom Asperger iaitu satu daripada sifat autisme.

Sungguhpun hanya di dalam filem, setidak-tidaknya bagi ibu bapa yang memiliki anak autisme, ia membuka harapan bahawa anak autisme mempunyai masa hadapan yang cerah sekiranya dibantu sejak awal.

Malah menghilangkan keraguan mereka dalam mendidik anak yang mengalami sindrom serupa.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan (UKM), Profesor Madya Dr Hasnah Toran filem-filem Hollywood sering menunjukkan watak autisme yang memiliki IQ yang tinggi.

Sebenarnya masih banyak lagi ciri-ciri yang terdapat pada seseorang yang mempunyai autisme.

"Sungguhpun demikian ia memberi harapan kepada ibu bapa walaupun anak mereka

mungkin tidak mencapai tahap IQ seperti yang pernah ditonton, tetapi sekurang-kurangnya mereka boleh berasa lega bahawa anak autisme ini dapat dibantu dengan adanya sokongan daripada orang di sekelilingnya," jelas Hasnah.

PERLU MODUL PEMBELAJARAN KHAS

Autisme adalah satu kecelaruan neurologi (urat saraf) di otak yang mengakibatkan kesan negatif terhadap kemahiran sosial, komunikasi dan imaginasi individu.

Terdapat pelbagai simptom yang berbeza terhadap kanak-kanak yang mengalami

autisme antaranya tidak menghiraukan orang lain, tidak mahu bertentang mata atau

menunjukkan ekspresi muka apabila bercakap, susah bekerjasama, berkongsi atau menunggu giliran.

Ada yang lebih suka bermain sendiri, tidak berminat dalam permainan yang perlu menggunakan imaginasi, lambat bercakap, tidak boleh berkomunikasi dengan

baik dan mungkin mengulang perkataan sama, tetapi tidak faham maksudnya.

Selain itu ada juga anak autisme yang suka melakukan perkara sama (berulang)

dan tidak mahu menerima perubahan. Mereka mudah terganggu jika disuruh melakukan

perubahan. Menunjukkan minat pelik, contohnya terhadap peta, peralatan elektronik atau roda kereta mainan berpusing dan memutar objek serta tidak boleh

duduk diam.

Sesetengahnya pula suka mengasingkan diri biasanya kekecewaan ditunjukkan

melalui tindak balas negatif seperti mengamuk, marah-marah, agresif (yang tidak ditujukan kepada sesiapa) atau perlakuan yang merosakkan seperti mencederakan diri dan banyak lagi ciri-ciri yang tidak sama antara satu individu dengan individu yang lain.

"Ciri-ciri yang ada inilah yang menyebabkan mereka sukar untuk belajar atau memahami pembelajaran apabila dihantar ke sekolah. Mereka sukar memberikan tumpuan. Lebih sukar apabila di sekolah mereka diletakkan di kelas pendidikan khas yang bukan untuk kanak-kanak autisme kerana guru-guru perlu menumpukan perhatian kepada pelajar lain juga," jelas Hasnah.

DIDIK MASYARAKAT

Pengalaman beliau di Amerika Syarikat membuktikan bahawa masyarakat juga harus dididik untuk mengenali autisme.

Memiliki seorang anak autisme, Hasnah pernah ditawarkan bantuan oleh seorang kenalan yang baru dikenali.

Sebaik sahaja mengetahui beliau memiliki seorang anak autisme, kenalannya itu menawarkan diri menjaga anaknya jika Hasnah ingin ke mana-mana.

"Itu yang kita mahu. Mendidik masyarakat kita sehingga ke tahap itu. Mendidik anak autisme memerlukan kesabaran yang tinggi. Ia bukan hanya tanggungjawab guru dan ibu bapa, tetapi juga masyarakat terutama dalam memberikan sokongan", katanya.

Hasnah, yang juga Ketua Penyelidik di Makmal Pembelajaran Autisme UKM, berpendapat sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan sebuah pusat penjagaan dan pembelajaran khas untuk kanak-kanak autisme.

Menurutnya jika tidak dimulakan dari sekarang, apa akan terjadi kepada kelompok ini tiga puluh tahun akan datang.

PEMBENTUKAN AWAL

Beliau menyokong langkah yang diambil oleh Permata, sebuah pertubuhan kerajaan bagi kemajuan pendidikan awal kanak-kanak, untuk menubuhkan Permata Kurnia iaitu satu program khusus untuk golongan autistik.

Mengambil contoh Makmal Pembelajaran Autisme UKM, beliau menekankan perlunya satu modul pembelajaran khusus untuk anak autisme. Modul berkenaan akan membantu

para guru, juruterapi, ibu bapa dan masyarakat untuk menghadapi dan mendidik anak autisme.

Penekanan kepada intervensi awal adalah sangat penting.

Anak autisme yang dibentuk dari awal ada yang menunjukkan perubahan besar sehingga mereka boleh bersekolah seperti kanak-kanak lain di sekolah aliran perdana.

Menurut Hasnah, intervensi awal membolehkan mereka dimasukkan ke dalam program pembelajaran khas.

Dari situ perlahan-lahan mereka akan diajar sehingga boleh berdikari dan mengurus diri.

"Mereka juga ada yang berkebolehan dalam bidang muzik, seni dan matematik.

Mereka juga akan diberi latihan bekerja dan jika layak akan dihantar mengikuti

kursus-kursus kemahiran seperti yang ditawarkan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kolej Komuniti.

"Jika IQnya tinggi mereka boleh dididik sehingga ke IPTA. Ia bukanlah

mustahil kerana makmal kami juga kini sedang memantau seorang daripada bekas pelajar kami yang kini sedang menuntut di tahun satu UKM," jelas Hasnah yang positif dengan kebolehan setiap anak autisme.

Intervensi awal perlu kerana bantuan awal yang diberi akan dapat membentuk mereka dengan perhatian yang sewajarnya. Melalui pendekatan betul, kanak-kanak autisme yang sering dianggap bermasalah sebenarnya boleh belajar dengan baik dan berdikari.

"Mereka mungkin autisme, tetapi tidak bermakna mereka tidak boleh memiliki kehidupan yang baik dan gembira," tekan Hasnah.

-- BERNAMA

NUH CR